

PERANAN MAQASID SHARIAH DALAM FALSAFAH EPISTEMOLOGI IJTIHAD SEMASA

THE ROLE OF MAQASID AL-SHARIAH IN THE CONTEMPORARY PHILOSOPHY OF JURISPRUDENCE EPISTEMOLOGY

Sumayyah Abdul Azizⁱ & Ridzwan Ahmadⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Calon Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Malaya.
sumayyahaziz@unisza.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Malaya. ridzwanahmad@um.edu.my

Abstrak

Maqasid syariah mempunyai peranan yang penting dalam kerangka epistemologi pembinaan hukum. Epistemologi merupakan falsafah dalam merungkai hakikat ilmu. Maqasid syariah justeru berperanan dalam ketamadunan dan proses pembinaan struktur ilmu dan epistemologinya. Tamadun Islam dibina melalui proses keserjanaan, sejarah dan kerangka ilmu. Ketiga-tiga elemen ini mempunyai hubungkait yang rapat dalam rangka sejarah teretusnya maqasid syariah. Oleh itu, artikel ini bertujuan merungkai peranan maqasid syariah dalam epistemologi ilmu yang merupakan salah satu falsafah keilmuan dalam tamadun Islam. Ini bagi memastikan agar keserjanaan dan ketamadunan diperkukuhkan dengan kefahaman peranan maqasid syariah dalam membentuk kerangka ketamadunan ilmu Islam. Metod yang digunakan ialah metod induktif dan komparatif. Dapatan mendapati maqasid syariah mempunyai peranan penting dalam mengukuhkan epistemologi hukum semasa.

Katakunci: Maqasid, syariah, ijtihad, semasa, epistemologi.

Abstract

Maqasid shariah has a crucial role in constructing the framework of jurisprudence epistemology . Epistemology is the philosophy in constructing the meaning of civilization of knowledge. Hence Maqasid shariah has a role in building the civilization of knowledge. The objective of this paper is to explain the role of maqasid Shariah in epistemology of jurisprudence which is one of the philosophy of knowledge in Islamic civilization. The method that has been applied is inductive and comparative. The finding of this article has affirmed that maqasid shariah has a role in strengthening the epistemology of jurisprudence.

Keywords: Maqasid, shariah, ijtihad, contemporary, epistemology.

PENDAHULUAN

Tugas para ilmuan Muslim pada masa kini lebih mencabar bukan hanya terhad kepada pengujian terhadap kaedah-kaedah yang dikembangkan, baik dalam tradisi Islam mahupun disiplin ilmu barat untuk menentukan punca kaedah-kaedah tersebut dan kemudian mengajukan berbagai-bagai kemungkinan untuk pengembangan, pelengkapan, ataupun penolakan terhadap kaedah-kaedah tersebut. Kaedah tradisional lebih menumpukan kepada persoalan hukum, bahasa, dan bersifat teknikal. Meskipun karakter di atas merupakan asas kepada kaedah-kaedah tradisional, namun boleh dikatakan pandangan ini menyetepikan adanya aliran-aliran dalam pemikiran klasik yang berusaha mengimbangi beberapa arus permodenan yang keterlaluan. Misalnya, teori maqasid yang dikembangkan oleh al-Shatibi itu dimaksudkan untuk menyusun ilmu fiqh secara sistematik dan mengimbangi kecenderungan yang bersifat teknikal dalam metodologi hukum klasik (Loui Safi, 1999).

Amin Abdullah (2000) telah menekankan kepentingan dilakukan proses reviewing (ulangkaji) terhadap pendekatan penyelesaian masalah hukum Islam semasa. Keperluan tersebut adalah signifikan dan relevan dalam menkonstruksi penilaian terhadap hukum yang

lahir daripada ijtihad-ijtihad semasa. Selain daripada itu, teori Amin Abdullah juga dapat dilihat sebagai satu pendekatan yang pragmatik dalam membahaskan pendekatan ijtihad hukum Islam dari konteks epistemologi yang menyeluruh.

Manakala Mahmood Zuhdi dan Amir Mualim memperincikan beberapa kekeliruan ilmu yang secara langsung menjejaskan pemahaman mereka terhadap hakikat hukum Islam yang sebenar. Kekeliruan tersebut dapat dibahagikan kepada empat iaitu pandangan berbentuk subjektiviti yang dapat diuraikan sebagai mengambil sikap tertentu secara tidak matang terhadap sesuatu nas akibat kejahilan memahami Islam secara holistik. Kedua kekeliruan berbentuk manipulasi dengan melepaskan dalil syarak daripada situasi dan kondisi semasa sesuatu nas syarak diturunkan. Ketiga ialah kekeliruan terhadap pemahaman ilmu dengan mengambil pendekatan berbentuk justifikasi iaitu tindakan menundukkan nas syarak agar bersesuaian dengan realiti yang ada ataupun mencari pembenaran terhadap praktik baru dengan cara menundukkan nas syarak kepada penafsiran yang sesuai. Seterusnya memasukkan nas ke dalam kerangka berfikir tertentu, seperti faham sosialisme yang telah secara kuat dipegang oleh seseorang yang memang bertentangan dengan prinsip Islam. Kekeliruan ilmu keempat berbentuk ketidaktepatan atau mengambil pendekatan ketidaktepatan berpegang kepada nas yang tidak sah dan tidak relevan dalam menangani sesuatu persoalan yang timbul (Amir Mualim, 2004).

Pandangan ini sangat kritikal dalam memahami konsep sebenar prinsip-prinsip Syarak yang sebenar agar para ilmuan Islam tidak terjerumus dalam proses penggalian dan aplikasi hukum yang bersifat dogmatik dan sehalu (*one-dimension*). Tambahan dari sudut ijtihad semasa yang memerlukan wacana dan pandangan yang lebih bersifat progresif bagi memastikan maqasid syariah dalam ijtihad semasa menepati metodologi, teoritikal dan aplikasi yang bertepatan syara dan hukum Islam semasa.

Definisi dan terminalogi yang pelbagai perlu digabungkan agar takrif dan kefahaman dari sudut konteks yang dimaksudkan dapat digunapakai dalam wacana hukum semasa. Kekurangan dalam kebolehpayaan menguasai perbezaan juga kepentingan penguasaan terminalogi dan etimologi dari sudut definisi akan membawa kepada hilangnya dinamika dalam memahami asas (*foundation*) serta perbezaan antara kaedah fiqh, istisna'iyah, usuliyah, maqsadiyyah yang kesemuanya memaparkan perbezaan yang sungguh halus tetapi memberi impak besar dalam dinamika hukum.

DEFINISI EPISTEMOLOGI HUKUM

Perkataan epistemologi berasal daripada perkataan Yunani *episteme* (*knowledge*). Ertinya kajian terhadap kefahaman dan kesahihan ilmu (Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus, 1993). Ketepatan epistemologi dalam semua bidang ilmu merupakan aspek kritikal dalam pembinaan kerangka keilmuan. Selain daripada berperanan sebagai alat dalam menggali dan memperoleh ilmu pengetahuan, epistemologi juga berkaitan dengan keabsahan produk (ilmu) yang dihasilkan.

Epistemologi dalam teori ilmu pengetahuan merupakan pola (*pattern*) yang digunakan untuk memproduksi ilmu pengetahuan (teori) dan alat pencetak (Muhammad, 2008). Metod ini tidak hanya terkait dengan persoalan-persoalan teknikal, deskripsi prosedur ilmiah tetapi juga merangkumi dasar-dasar paradigma yang membenarkan kajian metodologi berkait dengan pernyataan-pernyataan yang dikaji dalam epistemologi atau teori pengetahuan.

Meskipun pembahasan ilmiah dalam epistemologi diperluas hingga mencakupi seluruh pertanyaan-pertanyaan teoritikal yang berhubungan dengan pengetahuan. Perbahasan dalam metodologi berkisar pertanyaan-pertanyaan secara langsung berkaitan dengan penggunaan metod ilmiah (Safi, Louy, 1998). Epistemologi merupakan cabang falsafah yang membincangkan mengenai sifat ilmu pengetahuan, justifikasi ilmu yang diperoleh dan batasannya, tafsiran bentuk ilmu serta cara memperoleh ilmu dan batasannya (Ahmad Sunawari Long, 2008).

KAITAN ANTARA MAQASID SYARIAH DAN EPISTEMOLOGI HUKUM

Maqasid dapat disusun sebagai satu sistem baru dalam pengaplikasian hukum apabila dapat menjadi satu platform pendekatan hukum yang berbentuk pembangunan manusia. Perkara ini telah dijelaskan dengan wajah baru oleh Jasser Auda apabila beliau menyerlahkan maqasid dalam aspek kontemporarinya dan signifikannya terhadap konseptual dalam mendepani isu-isu semasa.

Justifikasinya ialah bagaimana pemeliharaan terhadap *kulliyat al-khams* (pemeliharaan terhadap lima aspek sejagat) dapat dibentuk dalam wajah yang baru sebagai contoh, memelihara nasab boleh diterjemahkan kepada memelihara dimensi institusi kekeluargaan (*care for the family*) dan pemeliharaan akal manusia dapat diadaptasikan kepada pengembangan pemikiran saintifik (Jaseer Auda, 2012).

Konsep ini amat dekat dengan epistemologi ilmu iaitu sumber-sumber ilmu itu dirangsang melalui proses pembinaan hukum yang berkembang. Justeru maqasid dalam konseptualnya yang lebih praktikal dirangka menjadi premis kepada pembangunan manusia (*human development*) yang dapat memberi implikasi lebih besar namun masih memelihara garis panduan syariah (Jaseer Auda, 2012).

Epistemologi juga boleh didefinisikan sebagai teori kepada metod atau asas ilmu pengetahuan. Ringkasnya, epistemologi berperanan untuk menjawab persoalan tentang apa yang kita tahu mengenai suatu fenomena dan bagaimana kita mencapai pengetahuan tersebut (Abbas Mirakhor & Edib Smolo, 2013). Epistemologi dalam terminologi arab disebut *nazariyyat al-ma'rifah* atau teori ilmu pengetahuan. Dalam konteks usul fiqh, epistemologi dapat didefinisikan sebagai teori ilmu hukum Islam yang dibina untuk menghasilkan hukum-hukum fiqh dalam kehidupan seharian manusia.

Disiplin ilmu usul fiqh masih belum terbentuk menjadi epistemologi ilmu semasa zaman Nabi saw lantaran semua persoalan hukum diambil daripada Rasulullah SAW secara langsung melalui bimbingan wahyu. Setelah Baginda Rasulullah SAW wafat, para sahabat yang pernah sezaman dengan beliau melalui proses pemahaman terhadap tasyrik yang melahirkan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip syariah. Seterusnya proses *istinbat al-ahkam* atau penggalan hukum dilakukan tanpa memerlukan sebuah teori yang rumit dalam bentuk sebuah epistemologi (Abu Yasid, 2012).

Usul fiqh dan peranannya sebagai epistemologi hukum Islam telah disentuh oleh Mohammed Arkoun (Syaukani, Imam, 2006). Usul fiqh perlu dinilai sebagai epistemologi hukum Islam kerana usul fiqh tidak hanya berlegar dalam perbahasan masalah kaedah-kaedah hukum dalam pengertian teknikal semata-mata sama ada berbentuk operasional dalam bentuk qawa'id usuliyah dan qawa'id fihiyyah. Bahkan ia juga membahas persoalan-persoalan mendalam berkenaan konsep dan hakikat hukum Islam, sumber-sumber pembentuk dan cara perolehannya dan tingkat keabshahannya (Syaukani, Imam, 2006).

Justeru, usul fiqh bukan sahaja mempunyai impak dari sudut sumber hukum dan istidlal bahkan daripada pembentukan hukum-hukum baru dan kerangka pandangan alam (*worldview*) yang perlu digabungjalinkan dengan kaedah maqasidiyyah.

Lanjutan daripada itu, dalam suatu kajian ilmiah, terdapat pendekatan yang menetapkan bahawa proses pengkajian yang mendalam terhadap sesuatu hakikat ilmu atau disiplin tertentu perlu merujuk aspek epistemologi yang menyelidiki asal usul, sumber, sifat, kaedah dan had sesuatu ilmu tersebut. Maksudnya, dengan mendalami kelima-lima aspek ini, seseorang sarjana itu akan lebih mengerti tentang hakikat ilmu tersebut (Fadzullah Hj Shuib, 2006).

Justifikasi kepentingan epistemologi dalam bidang hukum Islam merupakan suatu perkara yang baru ini kerana ia jarang dikupas melainkan melalui disiplin ilmu falsafah dan ilmu kalam (Abdul Rahman Abdullah, 2001) tetapi dalam kerangka aplikasi kajian Islam terutama yang melibatkan maqasid syariah dan usul fiqh ia amat relevan sekali. Ini memandangkan maqasid syariah dan usul fiqh mempunyai dasar dan akar yang mendalam berkaitan *ta'lim*, *illah* dan *istidlal* yang merupakan perbincangan dan perbahasan yang merupakan teori daripada ilmu kalam itu sendiri.

Hal ini turut diakui oleh Amir Muallim dan YUSDANI (2001) apabila menyentuh keperluan para sarjana moden dan mujtahid masakin memahami kerangka epistemologi Islam. Ini bagi menjamin hukum-hukum baru mempunyai landasan yang kukuh, selamat daripada ancaman sekularisme dan aliran-aliran pemikiran barat. Bahkan ia dibina atas dasar empirikal, rasional, mempunyai sumber, sebab musabab dan kaedah yang tersusun sebelum menetapkan sesuatu hukum yang berkaitan persoalan kemanusiaan (Harun Nasution, t.th).

Abdul Hamid Sulayman menegaskan hakikat ilmu Islam yang hendak dikembangkan itu perlu berfungsi secara menyeluruh. Beliau menyatakan, "*sesungguhnya ilmu Islam berfungsi secara sekaligus sumber-sumber pengetahuan rasional-empiris-induktif dan sumber-sumber pengetahuan universal-deduktif yang diturunkan daripada wahyu Allah*" (Syamsul Anwar, 2003).

Interaksi antara tren dan epistemologi ilmu sangat penting bagi seperti Abid al-Jabiriyy, Amin Abdullah yang telah menekankan agar kerangka ijtihad Islam semasa tidak statik tetapi masih mengikuti metodologi istinbat hukum yang jelas.

Epistemologi berperanan untuk menjawab persoalan dalam aspek yang menyentuh dengan persoalan apa yang boleh diterima dan diperakui sebagai ilmu pengetahuan (Alan Bryman, 2001). Revelennya epistemologi dengan maqasid syariah ialah pada kaitannya dalam konteks ijtihad semasa menurut *maqasid kulliyah*. Maqasid secara teorinya ialah ilmu yang diperah daripada dalil-dalil kulliy (universal) seterusnya membentuk objektif-objektif yang dimaksudkan Syarak dalam setiap sendi-sendi teks agama (al-Raysuniyy, t.th). Lanjutan daripada memahami kerangka maqasid syariah yang sebenar akan meyakinkan lagi bahawa Islam datang untuk memberi masalah dan kebaikan kepada manusia di dunia dan di akhirat.

KEPENTINGAN MAQASID SYARIAH DAN EPISTEMOLOGI HUKUM DALAM APLIKASI IJTIHAD SEMASA

Perbincangan maqasid syariah merupakan lanjutan yang terhasil daripada perkembangan perbincangan mengenai ta'wil (Ibnu Hajib, 2004) dan qiyas (Al-Qarafiyy, 2003) di kalangan Usuliyyun. Menerusi kajian berkaitan maqasid syariah, para sarjana dan usuliyyun menggunakan metod *istiqlal* dalam kaedah hukum syariah sama ada yang terdapat dalam al-Quran, al-Sunnah atau fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh para sahabat Rasulullah SAW. Natijahnya, telah muncul sejumlah gagasan mengenai maqasid syariah yang cukup dinamik (al-Shatibiyy, t.th).

Sepertimana Ibnu Hajib menjelaskan maqasid iaitu daruriyy pada asalnya, iaitu dalam tingkatannya yang lima, seperti memelihara agama dan seterusnya. Contohnya membunuh kafir dan hukum qisas dan hukum hudud yang lainnya. Seterusnya Ibnu Hajib telah membahagikan daruriyy dalam konteks sebagai penyempurna (*mukammil*) kepada daruriyy seperti had (takzir) kepada orang yang mabuk. Juga penyempurna (*mukammil*) bagi hal yang bukan daruriyy iaitu *hajah* seperti jual beli, sewa dan hutang, bercucuk tanam dan sebagainya. Malah kadangkala boleh digabungkan menjadi daruriyy seperti membuat urusan memberi upah kepada ibu susuan bagi bayi yang tiada ibu untuk menyusukan bayi tersebut (Abd al-Qadir Salam, t.th).

Induktif atau *istiqlal* merupakan metod penyelidikan untuk mengkaji satu-satu hukum Syarak bagi menemukan hukum umum. Abu Hamid al-Ghazaliyy mempersembahkan teori maqasid syariah ini dengan menghadkan adanya pemeliharaan syariah terhadap lima unsur utama iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta benda. Ertinya, kelima-lima unsur di atas dianggap suci, mulia dan dihormati serta perlu dipertahankan. Maqasid syariah ini juga merupakan prinsip umum syariah (*kulliyat al-shari'ah*) yang pasti malah peranannya tidak terhad sebagai hukum-hakam syariah atau sebahagian dalil-dalil (al-Ghazaliyy, t.th). Lebih daripada itu, maqasid syariah berfungsi dalam menyelami intipati makna yang mendalam, instisari semua hukum-hakam, dalil-dalil daripada isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah (Muhammad Firdaus Nurul Huda, t.th & al-Shatibiyy, t.th).

Pemeliharaan terhadap maqasid dalam tradisi ilmu Islam dapat ditemukan dalam dua metod. Metod pertama berbentuk konstruktif yang bersifat membina dan keduanya preventif

yang bersifat mencegah. Menerusi metod konstruktif kewajipan-kewajipan agama, amalan-amalan sunnah yang baik dilaksanakan. Kewajipan dan sunnah ditetapkan demi memelihara kemaslahatan manusia. Tujuan tersebut mengukuhkan lagi elemen maqasid syariah dalam pensyariaan hukum. Manakala metod kedua ialah berbentuk preventif dapat dilihat melalui tegahan dalam konteks perbuatan yang diharamkan juga dimakruhkan disyariatkan dengan tujuan agar elemen maqasid syariah terpelihara daripada sebarang bentuk penghakisan dan pembatalan terhadap maksud syariah itu sendiri.

Selain itu, pembentukan maqasid syariah juga didokong dengan penguatkuasaan undang-undang jenayah. Analisa terhadap huraian al-Ghazaliyy (1997) dalam *al-Mustasfa* menjelaskan secara jelas dua metod di atas dalam fungsi kefahaman terhadap maksud pensyariaan sebenar yang bertujuan meraih maslahah dan menolak kefasadatan berbentuk sejagat. Manakala menurut pemahaman Firdaus, al-Shatibiyy melanjutkan huraian tersebut dengan mengemukakan format konseptualnya, "Maqasid syariah ialah mengeluarkan seorang mukallaf daripada lingkaran hawa nafsunya sehingga ia menjadi hamba kepada Allah SWT secara sukarela" (al-Shatibiyy, t.th).

MAQASID SYARIAH DALAM EPISTEMOLOGI HUKUM

Gabungan tradisi usul fiqh dan maqasid syariah dalam rangka mengkonstruksi kembali epistemologi hukum Islam dalam tradisi pembangunan hukum Islam masih bersifat abstrak. Usul fiqh masih dalam ruang teoritikal dan teknikal yang melahirkan perdebatan berpanjangan. Sedangkan usul fiqh mempunyai peranan besar dalam meluas lebarkan perkembangan ijtihad dan pembinaan produk baru yang bersifat bukan sekadar sehalu dan falsafah semata-mata. Sekalipun kritikan ini bersifat sehalu namun perlu dilihat kewajarannya dalam berhadapan dengan realiti dan arus modenisasi serta ideologi yang membentuk ketamaduan Islam. Malah jika praktik ini diambil kira sarjana Muslim bukan sahaja dapat membentuk aplikasi hukum yang bermanfaat dalam ijtihad semasa malahan juga dapat membina satu sistem dan landasan pelaksanaan hukum yang merangkumi dimensi pelbagai seterusnya membina kesarjanaan.

Maqasid bermula dengan perbincangan usul fiqh. Secara historikalnya, usul fiqh juga memainkan peranan penting dalam konteks pembinaan ilmu maqasid syariah yang lebih bermetodologi dan mengikut epistemologi hukum Islam. Usul fiqh berperanan sebagai akar kepada konseptual ilmu maqasid itu sendiri. Ini bertepatan dengan definisi usul fiqh secara literalnya yang membawa maksud "akar undang-undang Islam", yang merupakan ilmu pengiraan peraturan terperinci undang-undang Islam dari sumber-sumber hukum.

Dalam erti kata lain, usul fiqh sama ada diterjemahkan sebagai "akar undang-undang Islam" atau sebagai "perundangan Islam," terdiri daripada kaedah penaakulan dan kaedah-kaedah pentafsiran terhadap teks-teks al-Quran dan Sunnah untuk menyimpulkan undang-undang Islam. Sebagai perbandingan, undang-undang Islam terdiri daripada kaedah-kaedah praktikal syariat yang diperolehi daripada keterangan terperinci dalam teks sumber seterusnya menghasilkan produk hukum akhir. Undang-undang Islam dalam fiqh dan usul fiqh adalah dua disiplin yang berbeza. Matlamat dan objektif syariat dikenali dalam bahasa arab sebagai mendapatkan manfaat dan mencegah mudarat dalam kehidupan ini dan berkaitan dengan akhirat adalah pertimbangan yang paling penting masalah undang-undang Islam (Umar F. Moghul & Arshad A. Ahmed, 2003).

Imam al-Juwayniyy (1410H) ialah sarjana pertama yang meletakkan kalimah maqasid dan ibarat *masalah ʿammah* dalam perbincangan yang berbeza. Kemudian imam al-Ghazaliyy (1997) datang dengan membawakan kajian dan penulisan yang lebih meluas tentang maqasid dalam bab masalah mursalah. Selanjutnya diikuti oleh para usuliyyun seperti imam Fakhr al-Din al-Raziyy dan imam al-Amidiyy yang meletakkan pengistilahan maqasid dalam perbincangan masalah. Seterusnya imam al-Tufiyy (1998) yang telah menjadikan masalah sebagai dalil khas kepada nas dengan mendefinisikannya sebagai sebab yang membawa kepada maksud syarak (Allah dan Rasul).

Manakala imam al-Qarafiyy telah mengikat perkaitan antara masalah dan maqasid dengan menjadikan keduanya sebahagian daripada kaedah usuliyyah, "*tidak dianggap*

syariat sebagai salah satu maqasid melainkan apa yang mempunyai tujuan yang sah yang menerbitkan masalah atau menolak mafsadah” (al-Qarafiyy, 2008).

Hakikatnya imam Syafie rahimahullah antara yang terawal mencetus idea maqasid dalam karya beliau ini berdasarkan apa yang telah dinukilkan oleh Imam al-Juwayniyy dalam kitabnya *al-Burhan* mendapati bahawa imam Syafie telah menggunakan lafaz maqasid syariah dengan petunjuk terminalogi. Imam al-Haramayn telah menceritakan tentang ini ketika membahaskan tentang pembahagian ¹ilal dan usul, dan membantah siapa yang mengingkari mereka yang mengkhususkan niat lafaz takbir ketika ihram dalam solat (Ahmad Wifaq Mokhtar, 2014).

Menurut Louy Safi, sekalipun begitu dengan usaha terus-menerus untuk mencari berbagai-bagai alasan dari kaedah-kaedah syaria’ telah dijelaskan dengan baik setelah abad ketujuh Hijrah. Ini memungkinkan Ibrahim bin Musa al-Shatibiyy, seorang pemikir Muslim yang cemerlang, mengenalkan sebuah teori yang sangat baik -dalam karyanya yang ditulis pada abad kelapan Hijrah, berjudul *al-Muwafaqat*- tentang teori maqasid syariah (tujuan-tujuan syariah). Sayangnya, meskipun teori ini mempunyai potensi besar untuk bagi menyusun kaedah-kaedah syariah secara sistematik, ia tidak dikembangkan dan tidak juga digunakan oleh para ilmuwan muslim setelahnya, bahkan ia hampir dilupakan sama sekali, sehinggalah teori tersebut dibahaskan kembali oleh Muhammad Abduh, kurang seabad yang lalu (Ahmad Wifaq Mokhtar, 2014).

Rashid Rida juga telah memperkenalkan maqasid dengan melakukan induktif terhadap al-Quran secara meluas dan umum dengan mengetengahkan istilah “*untuk memperbaiki rukun-rukun agama serta menjelaskan apa yang tidak diketahui manusia dalam hal-hal kenabian. Juga bagi memberi penerangan bahawa Islam adalah agama fitrah, akal (reasoning), dan ilmu serta hikmah, petunjuk, kebebasan dan istiqlal, serta reformasi kemasyarakatan kemanusiaan politik serta memberikan kepada manusia hak-hak mereka*” (Rida, Muhammad Rasyid, t.th). Tetapi kritikan Louy Safi ini dapat disanggah kerana sarjana Islam selepas itu seperti Ibnu ²Ashur giat membahaskan maqasid syariah secara lebih meluas dan mendalam (Ibnu ²Ashur, 2006).

Secara umumnya, sarjana Islam klasik membincangkan doktrin maqasid syariah tanpa memberi definisi tersendiri dan khusus sebaliknya memberikan maksud Maqasid melalui perbincangan mereka melalui *istidlal*¹ dan *‘illah*². Al-Ghazaliyy mengajukan teori maqasid syariah ini dengan menghadkan adanya pemeliharaan Syariah terhadap lima unsur utama: Agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta benda.

Kelima-lima unsur merupakan unsur yang mesti dilindungi dan dipertahankan. Maqasid syariah ini juga merupakan prinsip umum syariah (*kulliyat al-shari‘ah*) yang pasti. Walaubagaimanapun, fuqaha yang terkemudian seperti Ibnu ²Ashur telah memberikan definisi khusus untuk objektif syariah sebagai, “*makna yang telah dikaji dan diperhatikan serta hikmah dalam setiap hukum hakam syariah atau setidak-tidaknya bagi kebanyakan hukum syariah di mana menurut pemerhatian mereka membuktikan yang ia khusus tidak khusus kepada sejenis hukum syariah*”.

Keperluan tujuan hukum Islam tidak semata-mata berdimensi keduniaan, tetapi juga berdimensi keakhiratan, maka mencari sumber hukum dan metod istinbat hukum yang tepat dalam rangka menjaga keabsahan hukum Islam menjadi sangat penting dalam kajian epistemologi hukum Islam. Asas ini yang menghasilkan kerangka epistemologi ilmu yang

¹ *Istidlal* ialah pelbagai cara yang memberi manfaat kepada hukum, daripada Al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas. Dari segi Bahasa, ia bermaksud menuntut petunjuk dalil. Kerana terma atau lafaz *istidlal* diambil daripada *dilalah*. Ia terbahagi kepada dua makna. Satunya maknanya am, iaitu mendirikan dalil secara mutlak daripada nas, atau ijmak atau qiyas seperti melakukan *istidlal* daripada masalah daripada masalah fiqh. Makna *istidlal* secara khusus pula ialah, adalah dalil yang bukan terdiri daripada nas dan ijmak dan bukan juga qiyas. Terdapat juga pandangan yang tidak kuat mengatakan bukan juga qiyas *‘illah*. Manakala dari sudut istilah disebut juga dengan istilah *al-burhan* (Ibnu al-Jawziyy, 2008) *Istidlal* juga bermaksud menyebut dalil sama ada dalil daripada nas atau ijmak atau selain daripada nas dan ijmak. Kadang-kadang ia memberi maksud sebagai salah satu cabang daripada cabang-cabang dalil dan ini yang lebih tepat. *Istidlal* merupakan ibarat kepada dalil yang tidak ada nas atau ijmak atau qiyas (Sa‘ad bin Salih al-Shurayh, t.th).

² Apa yang dimaksudkan *‘illah* di sini al-Qaradawiyy ialah apa yang menjadi faktor kepada berjalannya hukum.

bukan sahaja bersifat teknikal bahkan merangkumi aspek sosial, sejarah dan impak hukum akan datang dalam membentuk hukum, ijtihad dan garis pandu hukum-hukum.

Abid Jabiriy, menyentuh proses pembangunan keilmuan Islam menggunakan pola pemikiran yang tidak dijalinkan secara bersepadu. Pertamanya pola pemikiran tersebut berbentuk epistemologi bayaniyy yang bersumberkan kepada teks (wahyu) yang bersandarkan kepada pendekatan berbentuk fiqh dan ilmu kalam. Pendekatan bayaniyy cenderung untuk menimbulkan kecurigaan kepada penganan akal kerana dianggap boleh menyebabkan tersasar daripada kefahaman sebenar nas.

Epistemologi burhaniyy pula ialah pendekatan yang bersumberkan kepada akal dan rasional. Manakala epistemologi ʿirfaniyy lebih berasaskan kepada pengalaman. Pendekatan bayaniyy merupakan asas utama kepada pemikiran fiqh Islam. Pola ini lebih menumpukan perhatian kepada teks al-Quran dan Sunnah. Akal dianggap lebih bersifat sekunder dalam menjelaskan maksud teks. Kekuatan pendekatan ini lebih memberikan perhatian kepada aspek gramatik dan sastera Arab.

Walaupun pemikiran Islam amat memerlukan pendekatan bayaniyy ini, penggunaan pola bayaniyy ini secara berlebihan akan menimbulkan permasalahan yang khusus seperti mana diulas oleh Achmad Khudori Soleh yang menyentuh pemakaian teks pemikiran bayaniyy dalam kefahaman terhadap nas menyebabkan keterbatasan dalam isu-isu yang tidak membawa kepada kefahaman terhadap intipati syariah, sehingga kurang dinamik mengikuti perkembangan sejarah dan sosial masyarakat yang berubah mengikut keadaan semasa. Kenyataannya, pemikiran Islam saat ini yang masih banyak didominasi pemikiran bayaniyy fiqhiyyah kurang bias merespon dan mengimbangi perkembangan peradaban dunia. Hal yang sama ditegaskan oleh Amir Mualim yang mengatakan bahawa dominasi dan orientasi pemahaman bayaniyy yang berlebihan akan menimbulkan persoalan dalam pemikiran hukum Islam.

Kesimpulannya, keperluan memahami konteks semasa perlu digarap melalui pendekatan berbentuk usul fiqh dan maqasid yang merangkumi pola bayaniyy dan burhaniyy dan tidak hanya menumpukan kepada satu epistemologi semata-mata. Hal ini dijelaskan oleh Amir Mualim dengan menjadikan realiti teks dan konteksnya sebagai sumber kajian. Dalam pendekatan burhaniyy ini merangkumi metod *taʿlil*³ yang dapat memahami teks berdasarkan rasional dan metod istilahiyy yang berusaha memahami realiti semasa atau konteks berdasarkan falsafah Islam. Realiti tersebut meliputi realiti alam, sejarah, sosial dan budaya. Tambahnya lagi, pemahaman terhadap realiti sosial keagamaan dan sosial keislaman menjadi lebih memadai apabila dipergunakan pendekatan sosiologi, antropologi, kebudayaan dan sejarah. Dalam model pendekatan burhaniyy, keempat-empat metod ini berada dalam posisi yang saling berhubungan secara dialektis dan saling melengkapi membentuk jaringan keilmuan.

PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, kefahaman tentang peranan maqasid syariah dalam epistimologi Islam perlu dikuasai oleh sarjana Islam terutamanya para usuliyyun dan fuqaha. Ini bagi mengelakkan mereka hanya menggunakan pendekatan berbentuk legaliti formaliti yakni hukum hakam yang dikupas melalui kaca mata halal ataupun haram semata-mata. Pendekatan ini akan menyebabkan analisa yang lahir bersifat dogmatik dan menghukum. Sedangkan pendekatan yang lebih proaktif dan konstruktif diperlukan bagi mendidik golongan sasaran kajian dan masyarakat agar dapat menjiwai maksud disebalik pensyariatkan sesuatu hukum (Very Verdiansyah, t.th).

³ *Taʿlil* memberi kesan kepada perkembangan maqasid apabila ulama Asya'irah membincangkan persoalan *taʿlil* dalam pembentukan hukum syariah. Seperti Imam al-Amidiyy yang membincangkan faedah *ʿillah* dapat mengetahui faedah kepada hukum tetapi tidak bermakna faedah *ʿillah* hanya semata-mata untuk mengetahui hukum. Antara faedah *ʿillah* ialah dapat mengetahui hukum syarie itu selaras dengan hikmah dan masalah dan ini merupakan di antara faedah yang diambil kira (faedah muʿtabarah) kerana hati-hati manusia lebih cenderung menerima hukum-hukum yang selaras dengan hikmah dan masalah (al-Raziyy, t.th).

Oleh yang demikian para sarjana Islam masakini dicadangkan agar dapat menggunakan pendekatan kajian yang lebih holistik dalam proses penilaian sesuatu persoalan hukum Islam (Rahimin Affendi, Idris Awang & Paizah Ismail, t.th).

Hakikatnya Maqasid syariah mempunyai peranan penting dalam kerangka epistemologi hukum Islam apabila menghimpunkan pendekatan berbentuk burhani iaitu bagaimana kehendak teks ataupun nas dilihat menerusi konteks *ta'lim* yang dapat memberikan kefahaman hukum berdasarkan logik akal yang diiktiraf syariah beserta gabungan metod bayaniyy yang meliputi pemahaman terhadap teks secara fiqhiyy melihat kepada kedudukan nas dari sudut teknikal dan peranan akal hanya bersifat sekunder. Gabungan antara metod bayaniyy dan burhaniyy ini dapat digarap dengan menilai faktor sosial, sejarah, perkembangan masyarakat yang terbentuk daripada proses-proses kebudayaan dan keperluan berbeza dalam proses pengeluaran hukum.

Pendekatan ini merupakan epistemologi diaplikasikan oleh usuliyyun dalam konteks *ta'lim*, qiyas dan *istidlal* serta tidak terhad kepada kefahaman teks semata-mata. Integrasasi ini dapat dilihat menerusi keperluan usul fiqh melihat kepada bidang keilmuan yang lain dalam mempertimbangkan kajian dan proses istinbat hukum. Maka maqasid syariah berperanan memelihara epistemologi Islam yang bersifat dinamik namun masih mengekalkan disiplin ilmu Islam yang tulen.

PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Geran Universiti Malaya (Saga: PG103-2013B).

RUJUKAN

- 'Abdul 'Azhim Jalal Abu Zaid. 2011. *Fiqh Riba Studi Komprehensif Tentang Riba Sejak Zaman Klasik Hingga Modern*. Jakarta: Senayan
- Alan Bryman. 2001. *Quantity And Quality In Social Research*. New York: Routledge.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2014. *Maqasid Al-Shari'ah 'Inda Imam Al-Shafi'iy*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- °Allal al-Fasiyy. 2014. *Maqasid Al-Shari'ah Wa Makarimaha*. Mesir: Dar al-Kalimah.
- Abdul Aziz bin Mohd Yaacob. 1986. *Islamic Banking and Economic Development*. Univeristy Microfilms International, University of Maryland, Ann Arbor Michigan,
- °Abdullah Diyah, °Abd al-Majid. 2011. *al-Qawa'id wa Al-Dawabit Al-Fiqhiyyah Li Ahkam Al-Mabir Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah*. T.tp: Universiti Urdun.
- al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2010. *Al-Mustasfa Min °Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Sadir.
- Abu Umar Faruq Ahmad. 2010. *Theory and Practice of Modern Islamic Finance: The Case Analysis from Australia*. Florida: Brown Walker Press.
- °Adud al-Din °Abd al-Rahman al-Ijyy. 2000. *Sharh al-°Adud (a commentary on Ibn al-Hajib's usul work Mukhtasar al-Muntaha al-Usuliyyun)*. ed. Fadi Nasif et al. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ahmidan, Ziyad Muhammad. 2004. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah: Dirasah Usuliyyah Wa Tatbiqat Fiqhiyyah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah Nashirun.
- Al-Raziyy. T.th. *Al-Mahsul fi °Ilm Usul al-Fiqh*. Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qarafiyy. 1973. *Sharh Tanqih al-Fusul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Raysuniyy, Ahmad. 2014. *Nazariyyat Al-Maqasid 'Inda Imam Al-Shatibiyy*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- °Aliyy, Jum'ah. 2005. *Al-Turuq Ila At-Thurath Al-Islamiyy, Muqaddimat Ma'rifiyah Wa Madakhil Manhajiyyah*. Kaherah: Nahdah Misr.
- Amir Mualim. 2004. *Ijtihad dan Legislasi Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: Ull Press.
- Ansariyy, Farid. 2010. *Al-Mustalah Al-Usuliyy 'Inda As-Shatibiyy*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Asafri Jaya Bakri. 1996. *Konsep Maqashid Syari'ah Menurut Al-Syatibi*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, Cet.I.
- El-Tahir El-Mesawi, Ibn Ashur. 2006. *Treatise on Maqasid al-Shari'ah Muhammad Al-Tahir Ibn Ashur*. Translated from the Arabic and annotated by Mohamed El-Tahir El-Mesawi. London: The International Institute of Islamic Thought.

- Ibnu ʿAshur, Muhammad Tahir. 2006 *Maqasid Al-Shariʿah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ismaʿil, Muhammad Bakr. 2006. *Maqasid Al-Shariʿah al-Islamiyyah taʿsilan wa-taʿilan*. Makkah: Idarat al-Daʿwah Wa al-Taʿlim Bi Rabitat al-ʿAlam al-Islamiyy.
- Jabir, Hasan Muhammad. 2007. *Maqasid Al-Kulliyah Li al-Sharʿ Wa Manahij Al-Tafsir*. London: Muʿasasat al-Furqan li al-Turath al-Islamiyy.
- Jaseer Auda. 2012. *Maqasid al-Shariʿah Falsafah li At-Tasyriʿ al-Islāmī*. Herndon: al-Maʿhad al-ʿAlamiyy lil-Fikr al-Islam.
- Al-Juwayniyy, Abu Al-Maʿaliyy ʿAbd al-Malik. 1997. *Al-Burhan Fi Usul al-Fiqh*. Lubnan: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Kamali, Mohammad Hashim. 2009. *Principles Of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Pub.
- Khairunnas Rajab. 2009. *Rekonstruksi Teori Masalah Dalam Kajian Pembaharuan Perundangan Islam. Analisis Terhadap Pemikiran Najm Al-Din*. Jurnal Syariah 17: 593-606.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid. 2001. *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zaidi Abdullah. 2012. *Kearifan Yang Subur*. Selangor: Kurnia Ilham.
- Muhammad Saʿad Bin Ahmad Bin Masʿud Al-Yaʿqubiyy. 1429. *Maqasid Al-Shariʿah Al-Islamiyyah Wa ʿAlaqtuha Bi Adillat Al-Shariah*. T.tp: Dar Ibn al-Jawziyy.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf. 2008. *Dirasah Fi Fiqh Maqasid Al-Shariʿah: Bayna Al-Maqasid Al-Kulliyah Wa-Al-Nusus Al-Juzʿiyyah*. Kaherah: Dar Al-Shuruq.
- Al-Qarafiyy. 2008. *Al-Dhakhirah*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ridzwan Ahmad. 2004. *Standad Masalah Dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Islam Semasa Di Malaysia*. Tesis PhD. Universiti Malaya (UM). Kuala Lumpur.
- Said Bouheraoua. 2001. *The Framework of Maqasid Al-Shariʿah (Objective of The Shariʿah) And Its Implications For Islamic Finance*. Research Paper. No: 22.
- Al-Shatibiyy, Abu Ishaq. 2003. *Al-Muwafaqat Fi Usul Al-Shariʿah*. Kaherah: Maktabah Tawfiqiyyah.
- Suratmaputra, Ahmad Munif. 2002. *Filsafat Hukum Islam Al-Ghazali: Masalah Mursalah & Relevansinya Dengan Pembaharuan Hukum Islam*. Indonesia: Pustaka Firdaus.
- Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. 1993. *Epistemologi Islam, Teori Ilmu dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syaukani, Imam. 2006. *Rekonstruksi Epistemologi Hukum Islam Indonesia Dan Relevansinya Bagi Pembangunan Hukum Nasional*. Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada.
- Umar F. Moghul & Arshad A. Ahmed. 2003. *Contractual Forms in Islamic Finance Law and Islamic Inv. Co. of the Gulf (Bahamas) Ltd. v. Symphony Gems N.V. & Ors.: A First Impression of Islamic Finance*. Volume 27, Issue 1 2003, Article.
- Yubiyy, Muhammad Saʿd ibn Ahmad ibn Masʿud. 2008. *Maqasid Al-Shariʿat Al-Islamiyah Wa ʿAlaqtuha Bi-Al-Adillat Al-Shariʿiyah*. Damam: Dar Ibn al-Jawziyy.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah. 1982. *Nazariyyat Al-Darurah Al-Shariʿiyyah Muqaranah Maʿa al-Qanun Al-Wadʿiyy*. T.tp: t.pt.